

**UTeM**

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
HANG TUAH JAYA
76100 DURIAN TUNGGAL, MELAKA.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

KENYATAAN SEBUT HARGA

1. Sebut harga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) yang dimiliki 100% oleh rakyat Malaysia dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi perkara berikut:


Bil	No. Sebut Harga	Tajuk Sebut Harga	Lesen Pendaftaran	Lawatan Tapak & Taklimat	Tempat, Tarikh & Dokumen Mulai Diambil	Tempat, Tarikh & Waktu Tutup Sebut Harga
1.	UTeM/PP/SH (a)/17(6)	SEBUT HARGA BAGI KERJA-KERJA PAKAR PEMBAIKAN DAN PENYELENGGARAAN OVERHEAD CRANE PERALATAN YANG BERKAITAN DI FAKULTI KEJURUTERAAN PEMBUATAN, KAMPUS INDUK, UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM)	1. Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia. (CIDB) 2. Kod Bidang : M03 (Lift dan Eskalator) Dan M15 (Kelengkapan Mekanikal Pelbagai)	Tarikh & Masa : 13 Februari 2017 (10.30 pagi) Tempat : Lobi Utama Pejabat Pembangunan Kampus Induk UTeM (Kedatangan dan Lawatan Tapak adalah DIWAJIBKAN)	Unit Kontrak Pej. Pembangunan Kampus Induk UTeM Durian Tunggal Melaka 13 Februari 2017 Hingga 15 Februari 2017	Unit Kontrak Pej. Pembangunan Kampus Induk UTeM Durian Tunggal Melaka 16 Februari 2017 (sebelum atau pada pukul 12.00 tengahari)

2. Naskah Meja Sebut harga akan dipamerkan mulai **8 Februari 2017** hingga **15 Februari 2017** semasa waktu pejabat seperti berikut :

Hari	Waktu	Tempat
Isnin hingga Khamis	8.30 pagi hingga 12.30 tengahari 2.30 petang hingga 4.30 petang	Unit Kontrak Pej. Pembangunan Universiti Teknikal Malaysia Melaka Hang Tuah Jaya 76100 Durian Tunggal Melaka.
Jumaat	8.30 pagi hingga 12.00 tengahari 3.00 petang hingga 4.30 petang.	

3. Dokumen Sebut Harga ini akan dikeluarkan pada **13 Februari 2017** mengikut waktu-waktu seperti yang tersebut di perenggan 2 di atas sehingga **15 Februari 2017** tanpa sebarang bayaran. Dokumen Sebut Harga tidak akan dikeluarkan selepas tempoh ini tamat.

4. Penyebut harga yang berminat untuk menyertai tawaran ini adalah **DIWAJIBKAN** menghadiri taklimat di pejabat yang terlibat pada tarikh dan tempat sebagaimana yang ditetapkan di atas. **PENYEBUTHARGA (PEMILIK LESEN) SAHAJA** dibenarkan hadir ke taklimat di pejabat dan **TIDAK BOLEH DIWAKILKAN**.
5. Sila bawa bersama sesalinan Sijil Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia. (CIDB) yang dimiliki 100% oleh rakyat Malaysia semasa mengambil sebut harga ini.
6. Semua pembekal dimestikan berdaftar dengan Universiti Teknikal Malaysia Melaka dengan melayari laman web UTeM Sistem Pendaftaran Syarikat (ROC) di <http://portal.utem.edu.my/smpportal/clmin/defROC.htm> . Borang Perakuan pendaftaran syarikat lengkap dengan profil syarikat hendaklah dihantar semasa mengemukakan dokumen Sebut Harga.
7. Sebut Harga ini akan ditutup pada **16 Februari 2017**. Dokumen Sebut Harga hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran di **Unit Kontrak, Pejabat Pembangunan, Kampus Induk, Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Durian Tunggal, Melaka**, tidak lewat daripada **12.00 tengahari** pada hari tersebut. Sebarang kelewatan tidak akan diterima.
8. Iklan Sebut Harga ini boleh dilayari melalui laman web kami di <http://perolehan.utem.edu.my/pembangunan/> keterangan lanjut sila hubungi Unit Perolehan.


Siti Hajar Binti Othman
Juruukur Bahan
Pejabat Pembangunan
..... Universiti Teknikal Malaysia Melaka
(Juruukur Bahan)

**UNIT KONTRAK
PEJABAT PEMBANGUNAN
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
TEL : 06 – 331 6379
FAKS : 06 – 331 6344**